

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.2()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 7 TAHUN 2022**

Tarikh : 27 Julai 2022 (Rabu)
Masa : 10.30 pagi – 12.45 tengah hari
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JULAI 2022

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Julai 2022 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini

merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang ketujuh tahun 2022. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar memaklumkan bahawa MBSJ telah menyertai World Urban Forum yang ke 11 (WUF 11) di Katowice, Poland pada 26 hingga 30 Jun 2022 dan telah hadir bersama TPr Ismail bin Muhamad, Pengarah Perancang Bandar.

Penubuhan World Urban Forum (WUF) oleh UN-Habitat bermula pada tahun 2001 berfungsi untuk meneliti serta menekankan isu-isu semasa yang dihadapi seluruh dunia seperti impak kepada komuniti terhadap pembangunan bandar yang pesat, perbincangan sektor ekonomi, perubahan iklim dan sesi perkongsian polisi seluruh dunia. WUF yang pertama dianjurkan adalah di Nairobi, Kenya pada tahun 2002 dan menjadi acara tahunan peringkat global.

WUF 11 dianjurkan di Pusat Kongres Antarabangsa di Katowice, Poland. Acara ini pertama kali dianjurkan secara *hybrid* (secara bersemuka dan di atas talian). Terdapat 10,799 orang peserta daripada 155 negara yang menghadiri sidang WUF secara bersemuka. WUF juga melibatkan 444 orang speaker dan lebih dari 300 forum atau dialog serta 90 *booth* pameran daripada 43 negara. Tema utama perbincangan di WUF ini adalah “*Transforming Our Cities for a Better Urban Future*”. Tema ini

selaras dengan matlamat Sustainable Development Goals (SDG) yang kesebelas iaitu “*making cities inclusive, safe, resilient and sustainable.*” MBSJ telah menyertai pameran dan menyediakan sebuah video.

Datuk Bandar MBSJ telah dijemput menjadi panel jempukan bagi 3 sesi forum di WUF seperti berikut:

- i. Sesi Pertama iaitu *Networking Event Programme: Scroll of Honor Champions and Future Ambitions* yang dianjurkan bersama oleh New Urban Communities Authority (NUCA), Ministry of Housing Egypt pada 28 Jun 2022.
- ii. Sesi Kedua iaitu *SDG in Action: How To Unlock The Potentials Of ASEAN Cities To Advance Localisation Of The SDGs 2030 Agenda?* Yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia dan Urbanice Malaysia.
- iii. Sesi Ketiga iaitu *Special Session: Localizing The SDGs Transformative Partnerships To Accelerate Achievement Of The Global Goals At The Local Level* yang dianjurkan oleh UN-HABITAT - United Nations Human Settlement Programme.

Melalui perkongsian ini, pihak MBSJ berpeluang membentangkan dasar-dasar perancangan dan pembangunan bandar yang terkandung dalam Subang Jaya Voluntary Local Review (VLR),

Penyediaan Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian), Pelan Strategik Subang Jaya (2020-2025) dan *Building Urban Economic Resilience During And After Covid 19* (DA 13).

MBSJ juga berpeluang untuk berkongsi mengenai pelaksanaan program dan aktiviti yang dijalankan selaras dengan SDG iaitu Kebun Komuniti, Program Pangsapuri Angkat, Pengurusan Lembangan Sungai, Inisiatif Biodiversiti, Program Jom Kitar (*Recycling Program*), Program Pengasingan Sisa, Edaran Kompos kepada Kebun Komuniti, Program Agihan Plastik Kitar Semula, Pemasangan Sistem SPAH, Inisiatif Pengurangan Penggunaan Plastik, Program Kebudayaan, Program Kelas Memasak, Program bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Placemaking di SS15 dan kawasan perniagaan BoomPark Puchong Utama, Community Engagement – *SS15 Business Community, Kenari Business Community* dan Pengusaha Kompleks Beli Belah, Penyediaan Kemudahan Sukan dan Riadah untuk Kanak-Kanak OKU, Kempen Kesedaran Awam, Kempen Kesihatan Mental serta Program Gotong Royong bersama Penduduk dan MPP.

Berdasarkan sesi forum berkenaan pihak MBSJ dapat mengenalpasti cabaran utama, potensi dan sekatan yang dihadapi oleh kerajaan tempatan dalam menghadapi isu pembangunan ke arah Pembangunan Mampan (SDG).

Penemuan utama penyertaan WUF 11 ini memberi impak yang besar kepada MBSJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mempunyai matlamat utama iaitu menjadi *Bandaraya Smart Vibrant*. Antara penemuan utama di WUF 11 melibatkan:-

- i. Fungsi MBSJ sebagai PBT menghadapi krisis dan pemulihan bandar ketika Covid 19 melanda negara serta inisiatif-inisiatif yang dilakukan terhadap golongan B40 bagi mengelakkan kemiskinan bandar.
- ii. Dasar-dasar dan garis panduan MBSJ yang menggalakkan pembangunan berdaya tahan serta berdaya saing untuk masa akan datang melalui penyediaan Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (RTSJ 2035).
- iii. Ke arah tadbir urus yang bersepadu dalam perancangan pembangunan supaya Bandaraya Subang Jaya menjadi mampan, hijau dan sihat melalui usaha Local Agenda 2030 MBSJ dan Kajian Inventori Gas Rumah Hijau dan Pelan Tindakan Perubahan Iklim MBSJ.

Acara WUF 11 ini menjadi satu penanda aras kepada pihak MBSJ untuk memperbaiki dasar-dasar, garis panduan serta menambahbaik pengendalian program bersama komuniti selaras dengan visi Pelan Strategik MBSJ (2020-2025) iaitu menjadikan MBSJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terunggul bertaraf

antarabangsa berteraskan bandaraya mampan yang bestari, kota niaga dan kediaman idaman.

- ii) Datuk Bandar juga memaklumkan tentang Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian) telah diwartakan dengan No. Warta – Sel. G.N. 1920/2022 bertarikh 26 Mei 2022. Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian) ini boleh dirujuk dan boleh dimuat turun secara percuma melalui Portal MBSJ bermula 27 Julai 2022.
- iii) Datuk Bandar memaklumkan bahawa dalam usaha untuk mencapai Bandaraya yang mampan dan bestari serta membangunkan masyarakat yang madani, MBSJ amat komited dan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil Majlis.

Daripada bulan Januari sehingga Julai 2022, MBSJ telah berjaya merekodkan 3 sabitan yang melibatkan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Bandaraya Subang Jaya) 2007.

Tindakan ini adalah selaras dengan Matlamat 12 Matlamat Pembangunan Mampan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun *United Nations Sustainable Development Goals* (UNSDG) iaitu penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab. Matlamat ini mensasarkan kelestarian alam sekitar dan sejajar

dengan hasrat Majlis untuk menjadi Bandar Bersih serta Bandar Sejahtera.

Kesemua pesalah yang terdiri daripada 3 individu telah didakwa di bawah Undang-Undang Kecil 4 : Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Bandaraya Subang Jaya) 2007 yang membawa hukuman denda maksimum sebanyak RM 2,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan boleh dikenakan denda harian sehingga RM 200.00 bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan. Dua pesalah telah dijatuhkan hukuman sebanyak RM 500.00, manakala seorang dikenakan denda sebanyak RM 400.00.

Pihak Majlis memandang serius tindakan pembuangan sampah secara haram yang bukan sahaja memudaratkan alam sekitar tetapi juga telah menjadi satu ancaman kepada kesejahteraan penduduk dan masyarakat setempat.

Sehubungan itu, orang ramai digesa agar sentiasa menjaga kebersihan kawasan setempat dan memastikan sampah dibuang di tempat yang disediakan sahaja dan pihak Majlis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas mana-mana pesalah yang masih gagal patuh kepada undang-undang.

Pihak Majlis sentiasa menitikberatkan kesejahteraan penduduk di kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya dan orang ramai digesa

untuk membuat laporan terhadap mana-mana aktiviti pembuangan sampah secara haram yang dijalankan di kawasan Majlis.

- iv) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan supaya melaksanakan libat urus bajet melibatkan Ahli Majlis, Majlis Perwakilan Penduduk dan pemegang taruh. Sehubungan dengan itu, MBSJ akan melaksanakan Town Hall Bajet MBSJ 2023 pada 20 Ogos 2022 (Sabtu), jam 9.00 pagi – 1.00 petang bertempat di Sunway Convention Centre.

Peserta program akan dipecahkan kepada 6 kumpulan teras Pelan Strategik MBSJ yang akan dipadankan dengan *Sustainable Development Goal* dan Rancangan Selangor-1 seperti berikut :

KUMP	TERAS PELAN STRATEGIK MBSJ	SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)	RANCANGAN SELANGOR - 1
1	Tadbir Urus Terbaik	<ul style="list-style-type: none"> ▪ SDG 4 : Quality Education ▪ SDG 5: Gender Equity ▪ SDG 9: Industry, Innovation And Infrastructure ▪ SDG 16: Peace, Justice And Strong Institutions ▪ SDG 17: Partnership 	<p>Tadbir Urus Terbaik</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mentranformasi perkhidmatan awam menjadi sebuah organisasi moden, berwawasan dan berpaksikan rakyat dalam memudahcara pembangunan dan perniagaan.

KUMP	TERAS PELAN STRATEGIK MBSJ	SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)	RANCANGAN SELANGOR - 1
		For The Goals	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penekanan terhadap tadbir urus SMART dan berpaksikan rakyat agar perkhidmatan awam lebih responsif, produktif dan tangkas dengan penggunaan teknologi digital dalam perkhidmatan.
2	Infra dan Kemudahan Awam	<ul style="list-style-type: none"> ▪ SDG 7: Affordable And Clean Energy ▪ SDG 9: Industry, Innovation And Infrastructure ▪ SDG 17: Partnership For The Goals 	<p>Kelestarian</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Memelihara dan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang serta meletakkan perubahan iklim sebagai aspek penting pembangunan.
3	Pembangunan Mampan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ SDG 6: Clean Water and Sanitation ▪ SDG 7: Affordable And Clean Energy ▪ SDG 9: Industry, Innovation And Infrastructure ▪ SDG 10: Reduced Inequalities ▪ SDG 11: Sustainable Cities And Communities 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Komitmen ke arah Negeri rendah karbon melalui pembinaan infrastruktur hijau dan pengurusan sisa yang lebih teratur dan mampan.

KUMP	TERAS PELAN STRATEGIK MBSJ	SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)	RANCANGAN SELANGOR - 1
		<ul style="list-style-type: none"> ▪ SDG 12: Responsible Consumption And Production ▪ SDG 13: Climate Action ▪ SDG 14: Life Below Water ▪ SDG 15: Life On Land ▪ SDG 17: Partnership For The Goals 	
4	Pembangunan Sosio Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ SDG 1: No Poverty ▪ SDG 2: Zero Hunger ▪ SDG 4 : Quality Education ▪ SDG 8: Decent Work And Economic Growth ▪ SDG 9: Industry, Innovation And Infrastructure ▪ SDG 11: Sustainable Cities And Communities ▪ SDG 16: Peace, Justice And Strong Institutions ▪ SDG 17: Partnership For The Goals 	<p>Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengukuhkan lagi status Selangor sebagai nadi pertumbuhan ekonomi dan destinasi utama pelaburan berkualiti di Malaysia dan Asia. ▪ Mewujudkan peluang pelaburan berimpak tinggi melalui pendekatan secara mesra pelabur atau <i>business friendly</i>.
5	Capaian Pintar	<ul style="list-style-type: none"> ▪ SDG 7: Affordable And Clean Energy 	<p>Tadbir Urus Terbaik</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mentranformasi

KUMP	TERAS PELAN STRATEGIK MBSJ	SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)	RANCANGAN SELANGOR - 1
		<ul style="list-style-type: none"> ▪ SDG 8: Decent Work And Economic Growth ▪ SDG 9: Industry, Innovation And Infrastructure ▪ SDG 17: Partnership For The Goals 	<p>perkhidmatan awam menjadi sebuah organisasi moden, berwawasan dan berpaksikan rakyat dalam memudahcara pembangunan dan perniagaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penekanan terhadap tadbir urus SMART dan berpaksikan rakyat agar perkhidmatan awam lebih responsif, produktif dan tangkas dengan penggunaan teknologi digital dalam perkhidmatan.
6	Pembentukan Masyarakat Madani	<ul style="list-style-type: none"> ▪ SDG 1: No Poverty ▪ SDG 2: Zero Hunger ▪ SDG 3: Good Health And Well-Being ▪ SDG 4 : Quality Education ▪ SDG 5: Gender Equity ▪ SDG 10: Reduced Inequalities ▪ SDG 11: Sustainable Cities And Communities 	<p>Sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menjadikan Selangor sebagai sebuah Negeri yang ideal didiami dengan penekanan kepada kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta secara seimbang dan terangcum. ▪ Tumpuan kepada pembangunan sosial, menyediakan peluang

KUMP	TERAS PELAN STRATEGIK MBSJ	SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)	RANCANGAN SELANGOR - 1
		<ul style="list-style-type: none"> ▪ SDG 16: Peace, Justice And Strong Institutions ▪ SDG 17: Partnership For The Goals 	<p>menjana pendapatan dengan menyediakan intervensi sosial bersasar kepada golongan miskin bandar dan luar bandar.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mendaya upaya rakyat dengan perkembangan teknologi digital selaras dengan visi untuk menjadikan Selangor negeri pintar.

- v) Datuk Bandar juga memaklumkan tentang pencapaian kutipan hasil bagi setengah tahun 2022 yang di anggap pencapaian yang baik selepas 2 tahun berhadapan dengan pandemik Covid 19. MBSJ telah mengutip sebanyak RM151.8 juta iaitu 54% daripada jumlah anggaran hasil RM279.1 juta.

Pecahan pencapaian bagi kutipan hasil cukai adalah sebanyak RM112.8 juta (55%) dari anggaran RM 206.5 juta, manakala hasil bukan cukai RM39 juta (53%) dari anggaran RM 72.6 juta.

Kutipan hasil setengah tahun ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 17% atau RM23 juta jika dibandingkan dengan kutipan hasil 2021 iaitu RM128.8 juta.

Namun demikian, Majlis perlu meneruskan usaha yang lebih giat untuk mengutip hasil bagi separuh penggal kedua bagi menampung perbelanjaan yang telah dirancang sehingga penghujung tahun 2022. Bil cukai penggal 2 bagi tahun 2022 telah diproses dan penduduk di dalam pentadbiran MBSJ boleh mendapatkan e-bil melalui portal mbsj iaitu www.mbsj.gov.my. Penduduk sangat digalakkan untuk mendaftar sebagai ahli di portal MBSJ bagi kemudahan menyemak akaun cukai dan mendapatkan maklumat awal e-bil serta promosi yang dijalankan dari semasa ke semasa.

Selain itu juga, MBSJ turut menyediakan platform ezy.mbsj.gov.my dan aplikasi mobil EzyPay untuk memudahkan pelanggan membuat pembayaran.

- vi) Datuk Bandar memaklumkan bahawa MBSJ telah menyertai Misi Selangor Penyayang Baling, Kedah pada 6 hingga 8 Julai 2022. Penyertaan MBSJ di dalam misi ini melibatkan 23 anggota PANTAS dan jabatan-jabatan lain iaitu Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik, Jabatan Penguatkuasa serta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar.

MBSJ sekali lagi menyertai Misi Selangor Penyayang 2.0 : Penyerahan Bantuan Kepada Mangsa Banjir Baling, Kedah pada 20 - 22 Julai 2022. Penyertaan MBSJ di dalam misi tersebut

melibatkan 10 anggota yang terdiri daripada PANTAS dan Jabatan Penguatkuasaan berserta 5 kenderaan. Bantuan yang diberikan adalah bantuan kewangan dan keperluan harian. Semoga bantuan yang dihulur dapat meringankan beban mangsa banjir serta dipermudahkan segala urusan.

- vii) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga Minggu Epid 29 iaitu bermula 17 Julai sehingga 23 Julai 2022 terdapat sebanyak 2,363 kes positif demam denggi dilaporkan dan terdapat 7 lokaliti hotspot denggi di kawasan pentadbiran MBSJ.

Bermula 12 Jun 2022 pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) telah mula melaksanakan Gerak Gempur Vektor Selangor 2022 dan dilaksanakan selama 10 minggu sehingga 20 Ogos 2022. Semua PBT Negeri Selangor termasuk MBSJ terlibat sama.

Setakat ini, di MBSJ sebanyak 7 lokaliti bermasalah kes demam denggi telah dilancarkan operasi Gerak Gempur Vektor dan hasil operasi mengesan banyak tempat pembiakan.

Masyarakat diingatkan dan diminta untuk terus memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas dari tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan

- viii) Datuk Bandar memaklumkan MBSJ telah menerima kunjungan Panel Penilai Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2022 pada 25 Julai 2022 (Isnin). Seramai lima orang panel daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat penilaian dan auditan.

Empat kriteria yang dinilai adalah Pengurusan, Perkhidmatan-Perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan dan Penyertaan Komuniti Dan Pandangan Penduduk.

Berdasarkan penilaian oleh panel auditor, syukur Alhamdulillah MBSJ secara tidak rasmi telah diiktiraf sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf 5 bintang di Malaysia.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 6/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2022 bertarikh 20 Jun 2022 (Isnin) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 6/2022

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2022 bertarikh 20 Jun 2022 (Isnin) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 12/2022 bertarikh 20 Jun 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 13/2022 bertarikh 14 Julai 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2022 Bertarikh 6 Julai 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2022 Bertarikh 14 Julai 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.2 & m/s 2	Encik Wong Yii Seang	Kertas Kerja Pengendalian Gelandangan – MBSJ – MAWA : <i>Stray Management</i>	Beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada MBSJ kerana mengambil serius berkenaan masalah anjing dan kucing liar. Beliau memohon penjelasan berkenaan kolaborasi yang dipersetujui, cara penangkapan serta pusat kuarantin bagi anjing dan kucing liar yang ditangkap. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat memaklumkan bahawa MBSJ masih dalam proses perbincangan lanjut

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>bersama pihak MAWA berkenaan cadangan kolaborasi bagi menangani isu masalah anjing dan kucing liar.</p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya pihak Jabatan mengadakan sesi perbincangan lanjut dengan pihak MAWA dan melibatkan Ahli Majlis bagi mendapatkan keputusan menang-menang di antara MBSJ dan pihak NGO. Laporan daripada hasil perbincangan akan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa untuk diperhalusi dan dibincangkan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 5.1 & m/s 4	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling bagi Bulan Jun 2022	<p>Beliau memaklumkan bahawa kes denggi telah meningkat dan memohon penjelasan berkenaan peruntukan serta perincian perbelanjaan yang diterima daripada Exco atau Kerajaan Negeri bagi menangani isu denggi.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa MBSJ menerima peruntukan sebanyak RM 416 ribu daripada Kerajaan Negeri. Pecahan peruntukan seperti berikut :</p> <p>i) RM 300 ribu bagi aktiviti kawalan pencegahan denggi di peringkat Jabatan Kesihatan.</p> <p>Peruntukan ini akan digunakan bagi</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>penyelenggaraan jentera, pembelian bahan kimia dan perkara lain berkaitan isu denggi;</p> <p>ii) RM 96 ribu bagi aktiviti kawalan dan pencegahan denggi di peringkat Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dengan agihan sebanyak RM 4 ribu setiap MPP. Jabatan Kesihatan akan membuat pembelian aerosol dan abate untuk diagihkan kepada semua MPP.</p> <p>iii) RM 20 ribu bagi kawalan dan pencegahan kawasan tumpuan (<i>hot spot</i>) di peringkat MBSJ.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Mesyuarat bersetuju supaya Jabatan membuat laporan perincian peruntukan perbelanjaan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang untuk makluman ahli mesyuarat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>
3.	Para 6.4 & m/s 10	Encik Yap Kok Weng	Cadangan Perakuan Dasar Landskap MBSJ	<p>Beliau memohon supaya dasar tersebut diedarkan kepada semua Ahli Majlis.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya salinan dasar diedarkan kepada semua Ahli Majlis untuk makluman.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Landskap</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
4.	Para 6.5 & m/s 11	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Cadangan Memperakui Pelan Induk Landskap MBSJ	<p>Beliau memaklumkan bahawa terdapat aduan berkenaan penduduk yang menanam pokok di kawasan rizab dan luar kawasan rumah. Susulan itu, beliau memohon penjelasan sekiranya garis panduan berkenaan penanaman pokok di kawasan rizab boleh dirujuk di dalam Pelan Induk Landskap MBSJ.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya Jabatan mewujudkan satu Jawatankuasa Teknikal Landskap dan menjemput Ahli Majlis bagi memperhalusi Pelan Induk Landskap dan menyediakan garis</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>panduan penanaman pokok di atas tanah rizab / siar kaki.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Landskap</p>

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2022 Bertarikh 15 Julai 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2(iii) & m/s 2	Encik Thamilarusu a/l Sandayan / Puan Lee Jen Uyin / Encik Wong Yii Seang / Encik Mohan Singh a/l Surtar	Statistik Penyelesaian Aduan	<p>Ahli Majlis membangkitkan perkara berikut :</p> <p>i) Memohon penjelasan berkenaan kriteria aduan selesai kerana terdapat aduan yang dinyatakan selesai tetapi situasi sebenar masih belum diselesaikan di tapak.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		Singh		<p>ii) Memohon pembetulan bagi laporan aduan tertinggi, peratusan aduan selesai adalah salah.</p> <p>iii) Memohon jabatan menambahbaik laporan pengurusan aduan di masa akan datang.</p> <p>iv) Memohon supaya laporan penerimaan aduan mengikut DUN ditambahbaik dengan menambah kolum kategori aduan tertinggi, bilangan aduan selesai, peratus penyelesaian aduan mengikut kategori.</p> <p>v) Memohon penjelasan berkenaan aduan kategori sampah domestik yang termasuk dalam kategori aduan tertinggi.</p> <p>vi) Memohon penjelasan berkenaan langkah dan cara penyelesaian yang akan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>dilakukan oleh Majlis bagi mengatasi aduan di kawasan Seri Serdang yang tinggi setiap bulan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya Jabatan memperhalusi cadangan Ahli Majlis dan menambahbaik laporan berkenaan aduan yang ingin dibentangkan dalam Mesyuarat. Pegawai diminta meneliti laporan sebelum pembentangan dibuat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>
2.	Para 5.1 & m/s 4	Encik Yap Kok Weng	Laporan Pemeriksaan Audit Terhadap Pengurusan Jejantas di	Beliau merujuk kepada Laporan Pemeriksaan Audit Terhadap Pengurusan Jejantas di MBSJ mengenai Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luaran MBSJ Bil. 2020 yang

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			MBSJ	<p>berkuatkuasa mulai 29 Julai 2020 yang menyatakan pemasangan iklan jejantas adalah tidak dibenarkan. Beliau memohon Jabatan Perancangan Bandar untuk membawa semula perkara tersebut untuk diperbincangan di dalam Mesyuarat Teknikal Iklan Luaran MBSJ.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya Laporan Pemeriksaan Audit Terhadap Pengurusan Jejantas di MBSJ dibentangkan dalam Mesyuarat Teknikal Iklan Luaran untuk perbincangan lanjut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2022 Bertarikh 18 Julai 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2022 Bertarikh 18 Julai 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	m/s 1	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Tarikh Mesyuarat	Beliau memaklumkan bahawa hari mesyuarat yang dicatat adalah salah dan minta melaksanakan pindaan. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta Urus setia Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>dan Kemudahan Awam membuat pindaan terhadap hari mesyuarat yang dicatatkan daripada Khamis kepada Isnin.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2022 Bertarikh 19 Julai 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.2 & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Permohonan Melanjutkan Operasi di Sunway Lagoon	Beliau memaklumkan bahawa terdapat kekeliruan terhadap keputusan mesyuarat bagi perkara ii

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			<p>Theme Park Oleh Syarikat Sunway Lagoon Sdn. Bhd.</p>	<p>dan memohon pindaan ayat dibuat.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya pindaan ayat dibuat bagi mengelakkan kekeliruan. Mesyuarat bersetuju memberikan tempoh percubaan selama 2 bulan bagi permohonan pelanjutan tempoh masa operasi pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad sehingga jam 12.00 malam dan hari biasa sehingga jam 11.00 malam.</p> <p>Sekiranya dalam tempoh percubaan 2 bulan tiada aduan diterima dan tiada pelanggaran syarat, permohonan ini akan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Kawalan Perniagaan untuk dipertimbangkan kelulusan penuh bagi permohonan pelanjutan tempoh masa.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>
2.	Para 15 & m/s 14	Encik Yap Kok Weng	Laporan Lawatan Tapak Bersama YB Ng Sze Han (Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru)	<p>Beliau memaklumkan bahawa mesyuarat tidak menolak permohonan lesen tersebut tetapi memberikan tempoh untuk mendapatkan pandangan daripada pihak UPEN. Beliau memohon penjelasan berkenaan keputusan mesyuarat tersebut.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa mesyuarat menolak permohonan lesen tersebut kerana terdapat aktiviti memproses sarang burung</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>walit. Penolakan ini disebabkan lokasi pemohon adalah di kawasan komersial. Mesyuarat bersetuju memberikan tempoh masa untuk pemohon mendapatkan lokasi baharu di kawasan industri dan tempoh masa yang diberikan untuk berpindah ke lokasi baharu akan dibincangkan dan diputuskan dalam Mesyuarat Teknikal Pelesenan. Penetapan dasar perlu diperhalusi serta dikaji dan ianya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Cadangan Mengadakan Mesyuarat Penuh MBSJ Bil.8/2022 dan Mesyuarat Bajet MBSJ 2023 (Kertas Mesyuarat Bil. 8/7/2022)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat memutuskan tarikh mesyuarat dilanjutkan sehari iaitu daripada 25 Ogos sehingga 28 Ogos 2022 (Khamis hingga Ahad).

Kadar siling bagi kos keseluruhan adalah sebanyak RM 120,000.00. Kos adalah dari pindahan vot 29107 : Perkhidmatan Latihan ke dalam Geran Kecemerlangan MBSJ dan bayaran dibuat melalui Kelab Sukan dan Kebajikan MBSJ.

**Tindakan :
Jabatan Khidmat Pengurusan**

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Thamilarusu a/ Sandayan, wakil daripada Parti DAP.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 29 Julai 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S.
Datuk Bandar - Pengerusi
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timblan Datuk Bandar - Setiausaha
Mesyuarat
3. YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
4. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - "
5. Encik Chia Yew Ken - "
7. Encik Thomas Low Yew Sin - "
8. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
9. Encik Wong Yii Seang - "
10. Puan Lee Jen Uyin - "

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 11. | Puan Ng Seow Chen | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |
| 13. | Puan Aniza binti Jamaludin | - | " |
| 14. | Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 15. | Encik Kenneth Sam a/l Saminathan | - | " |
| 16. | Cik Syafiqa binti Zakaria | - | " |
| 17. | Encik Jestin Raj Savarimuthu | - | " |
| 18. | Encik Muhammad fauzan bin Rosli | - | " |
| 19. | Encik Mohamad Kamil bin Harun | - | " |
| 20. | Encik Jaafar bin Mat Akid | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Tuan Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang

6. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
12. Puan Hajah Noraziah binti Ali, K.M.N , P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
13. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
14. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
15. Tuan Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
16. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
17. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
18. Cik Norzahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

19. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Arkitek Landskap
20. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
21. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - Ahli Majlis
2. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
3. Encik Muhammad Khairil bin Khalid - "
4. Encik Teh Eng Teck - "
5. Encik Mohd Fitri bin Jamaludin - "
6. Tuan TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
7. Puan Ts Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
8. Tuan Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
9. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
10. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan